

PENTERJEMAHAN UNSUR BUDAYA KEBENDAAN DALAM AL-QURAN KE DALAM BAHASA MELAYU: ANALISIS KOMPONEN MAKNA

Arnida A. Bakar & Sulhah Ramli

Universiti Sains Islam Malaysia

arinda@usim.edu.my

sulhah@usim.edu.my

Prof. Madya Dr. Akmal Khuzairy Abd. Rahman

akmalk@iium.edu.my

Abstrak

Penterjemahan ialah satu bidang penting yang menyumbang kepada penyebaran ilmu pengetahuan kepada masyarakat bahasa sasaran. Aktiviti ini bukan sahaja memindahkan idea atau maklumat, malah turut memindahkan budaya antara bahasa sumber dan bahasa sasaran. Hal ini perlu diberi perhatian serius kerana terdapat jurang antara dua bahasa dan budaya yang berbeza. Setiap norma budaya yang diamalkan oleh sesuatu masyarakat bahasa berbeza dengan masyarakat bahasa lain. Begitu juga dengan penterjemahan unsur budaya dalam al-Quran yang bersifat kontekstual dengan dicirikan oleh budaya tertentu mengikut konteks latar yang berbeza. Justeru itu, unsur budaya yang melatari al-Quran perlu disingkap penterjemahannya bagi mengupas aspek pemindahan maknanya dari bahasa Arab kepada pembaca bahasa sasaran lain. Namun, aspek penterjemahan unsur budaya al-Quran kurang mendapat perhatian dalam kajian terdahulu. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti unsur budaya kebendaan di dalam al-Quran yang tiada dalam konteks budaya bahasa sasaran iaitu bahasa Melayu, dengan mengupas makna unsur terlibat yang dibekalkan dalam bahasa sasaran. Dengan mengaplikasi analisis komponen makna, kajian memperhalusi makna yang dipindahkan ke dalam bahasa sasaran. Kajian ini bersifat deskriptif dengan menjalankan analisis kandungan teks al-Quran dan terjemahannya dalam Bahasa Melayu. Kajian ini mendapati beberapa implikasi terhasil daripada penterjemahan unsur budaya kebendaan ini, antaranya terjemahan yang dibekalkan dalam bahasa sasaran mempunyai keserasian atau kekurangan pada aspek makna.

Bidang Penyelidikan: *unsur budaya kebendaan, analisis komponen makna, terjemahan al-Quran, semantik*

1. Pengenalan

Penterjemahan adalah aktiviti yang bukan sahaja melibatkan bahasa malah juga budaya, serta menyumbang kepada perkembangan ilmu dan pengetahuan dengan perpindahan makna daripada budaya bahasa sumber kepada budaya bahasa sasaran. Namun, ia adalah satu aktiviti yang kompleks kerana sering berdepan dengan pelbagai isu dan kesukaran yang akan mengimplicasikan perbezaan dalam bahasa atau perbezaan dalam budaya (Saudi Sadiq, 2008). Oleh itu, penterjemahan unsur budaya sering dikaitkan dengan kehilangan makna yang disebabkan oleh perbezaan norma semantik dan pragmatik antara bahasa sumber dan bahasa sasaran (Mason, 1998).

2. Sorotan Literatur

Budaya ditakrifkan sebagai tamadun atau peradaban seperti budaya Islam yang mempunyai tamadun dan peradabannya yang tersendiri (Kamus Dewan, 2007). Ia juga adalah cara hidup suatu kelompok atau kumpulan sosial yang meliputi persekitaran yang dibina oleh manusia. Ini termasuklah unsur budaya berkaitan kehidupan kumpulan atau kelompok yang bersifat kebendaan atau bukan kebendaan yang disampaikan dari satu generasi ke satu generasi yang lain (Theodorson & Theodorson, 1979). Budaya juga merujuk kepada kemajuan fikiran dan akal budi sekumpulan manusia yang hidup bersama di sesuatu tempat dengan aturan dan cara tertentu. Maka, budaya rakyat bangsa tertentu mempunyai unsur budaya yang terdiri daripada cerita, adat, pakaian dan tingkah laku yang diwarisi oleh masyarakat tersebut pada masa dan tempat tertentu.

Dalam perspektif antropologi pula, Edward B. Taylor (1871) mentakrifkan budaya sebagai satu keseluruhan cara hidup yang kompleks yang merangkumi pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, undang-undang, adat resam dan kebolehan lain serta tabiat yang diperolehi manusia sebagai anggota sesuatu masyarakat. Oleh itu, dalam konteks penterjemahan, Nida (1964) secara umumnya membahagikan unsur budaya kepada dua kelompok besar; material dan bukan material dan menyenaraikan lima unsur utama iaitu material, sosial, agama, bahasa dan estetika. Aixelá (1996:58) menambah dengan menamakan budaya kebendaan (material) dan budaya bukan kebendaan (bukan material) sebagai item khusus budaya (*culture-specific items*), kerana budaya teks sumber berbeza dengan budaya teks sasaran. Masalah penterjemahan makna unsur budaya wujud apabila terdapat jurang budaya antara keduanya disebabkan perbezaan atau ketiadaan unsur budaya tersebut dalam budaya masyarakat bahasa sasaran.

Apa yang lebih merumitkan adalah penterjemahan makna unsur budaya kebendaan, yang terdiri daripada pelbagai objek yang mencirikan masyarakat itu sendiri. Keunikan budaya suatu masyarakat merangkumi peralatan dan kelengkapan hidup seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, kenderaan, senjata dan sebagainya (Nida, *ibid*). Contoh yang boleh dilihat adalah seperti pakaian orang Melayu yang berbaju Melayu dan berkain songket berbeza dengan pakaian orang Jepun yang memakai kimono dan obi. Manakala budaya bukan kebendaan terdiri daripada kepercayaan, adat istiadat dan undang-undang (*ibid*). Unsur ini dikenal pasti melalui pemikiran, idea, adat istiadat, pola keluarga, dan bahasa (Cho Minsung & Puteri Roslina Abdul Wahid, 2016).

Al- Quran adalah kitab suci yang dilatari dengan pelbagai unsur budaya. Justeru, kalam Allah yang menjadi mukjizat bagi seluruh alam ini mengandungi unsur masyarakat yang berbeza seperti bangsa Arab, Bani Israel, Firaun dan rakyatnya, masyarakat Rom dan lain-lain. Setiap unsur budaya tersebut adalah ciri khusus sesebuah masyarakat. Banyak kajian telah dilakukan dalam aspek penterjemahan al-Quran yang merentasi pelbagai disiplin ilmu dan sudut pandang. Oleh sebab al-Quran mempunyai pelbagai latar budaya yang berbeza mengikut naratif tertentu, maka penterjemahan unsur budaya yang terkandung di dalamnya perlu dipindahkan kepada beberapa pilihan makna sebelum pemilihan padanan dibuat. Menterjemah satu perkataan bahasa sumber kepada beberapa perkataan dalam bahasa sasaran adalah suatu proses yang penting bagi mendapatkan variasi makna, sebelum memilih satu makna yang dapat membekalkan gambaran maksud yang lebih hampir dengan makna dalam bahasa sumber (Abdul Raof, 2005).

Namun, kajian semantik yang memfokuskan penterjemahan unsur budaya dalam al-Quran tidak mendapat perhatian secara meluas dalam kalangan para pengkaji. Oleh itu, penumpuan khusus perlu diberikan kepada aspek penterjemahan unsur budaya teks sumber yang terdiri daripada kebendaan (material) dan bukan kebendaan (non-material). Hal ini penting kerana terdapat jurang antara dua bahasa dan budaya yang berbeza, dan setiap norma budaya yang diamalkan oleh sesuatu masyarakat

bahasa berbeza dengan masyarakat bahasa lain. Begitu juga dengan penterjemahan unsur budaya dalam al-Quran yang bersifat kontekstual dengan dicirikan oleh budaya tertentu mengikut konteks latar yang berbeza. Justeru, unsur budaya yang melatari al-Quran perlu disingkap penterjemahannya bagi mengupas aspek pemindahan maknanya kepada bahasa sasaran.

Untuk tujuan itu, kajian ini dilakukan bagi meninjau penterjemahan unsur budaya kebendaan yang terdapat dalam al-Quran ke dalam bahasa Melayu dengan menumpukan kepada aspek semantik. Unsur budaya yang terpilih, dianalisis dengan menggunakan pendekatan analisis komponen makna bagi menyingkap makna yang dipindahkan ke dalam bahasa Melayu. Kajian analisis komponen makna ini perlu dilakukan bagi mengenal pasti jurang makna antara dua bahasa yang dicirikan dengan budaya yang berbeza.


3. Metodologi

Kajian ini berbentuk deskriptif ini dilakukan bagi melihat terjemahan makna unsur budaya kebendaan dalam al-Quran ke dalam bahasa Melayu dengan memfokuskan kepada elemen unsur budaya yang tidak mempunyai padanan dalam budaya bahasa sasaran. Kajian mengaplikasikan pendekatan analisis komponen makna yang dikemukakan oleh Newmark (1988) bagi melihat persamaan dan perbezaan elemen makna unsur budaya. Melalui pendekatan analisis ini, kajian ini dapat mengenal pasti sejauh mana kesepadanan terjemahan makna unsur budaya terpilih dengan memperhalusi makna yang dipindahkan ke dalam bahasa sasaran.

Kajian melibatkan dua bahasa iaitu, bahasa Arab sebagai bahasa sumber dan bahasa Melayu sebagai bahasa sasaran. Data dipilih daripada terjemahan al-Quran bahasa Melayu terbitan al-Hidayah House of Quran Sendirian Berhad iaitu "Al-Kalam Terjemahan Al-Hidayah Al-Quran Al-Karim" dan "Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran" terbitan Bahagian Hal-Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri sebagai korpus kajian.

Al-Quran mengandungi banyak tema dan elemen unsur budaya, namun kajian memilih tiga tema unsur budaya kebendaan sahaja iaitu makanan, tumbuhan dan pakaian. Elemen-elemen tersebut adalah unsur budaya yang tidak mempunyai kesepadannya dalam budaya sasar.

Kajian mengadaptasi pendekatan analisis komponen makna yang diperkenalkan oleh Newmark (1988) dalam bidang terjemahan. Pendekatan ini melibatkan proses penyenaiaan komponen makna yang terkandung dalam sesuatu perkataan. Objektif utama analisis ini adalah membuat perbandingan antara deskripsi unsur budaya bahasa Arab dan bahasa Melayu. Perbandingan dibuat dengan mengestrak semua perincian yang menggambarkan makna unsur dalam bahasa Melayu dan membandingkannya dengan perincian dalam bahasa Arab. Kajian menjalankan prosedur berikut dalam menganalisis data unsur budaya kebendaan yang terpilih:



Rajah 1: Prosedur Analisis Kajian

Rajah 1 menerangkan prosedur yang terlibat bagi menganalisis data unsur budaya kebendaan dalam al-Quran dan terjemahannya ke dalam bahasa Melayu. Pertama; kajian mengenal pasti unsur budaya kebendaan yang terdapat di dalam al-Quran. Unsur yang dipilih merupakan elemen yang bukan sebahagian norma amalan budaya masyarakat Melayu. Kedua; kajian menganalisis data melalui

pendekatan analisis komponen makna dengan meneliti deskripsi makna yang diberikan dalam bahasa sumber. Seterusnya, perbandingan deskripsi makna dilakukan bagi meninjau persamaan dan perbezaan makna elemen dalam bahasa Arab dan bahasa Melayu. Ketiga; kajian meninjau tahap kesepadanan makna dalam penterjemahan unsur budaya kebendaan dengan memperhalusi deskripsi makna yang dibekalkan dalam bahasa sasaran justeru ia boleh mengimplikasikan terjemahan yang kekurangan makna, kelebihan makna dan kehilangan makna.

4. Analisis dan perbincangan

Meskipun Al-Quran mengandungi banyak tema dan elemen yang merangkumi unsur budaya kebendaan dan bukan kebendaan, namun kajian memilih tiga tema unsur budaya kebendaan sahaja iaitu makanan, tumbuhan dan pakaian. Elemen-elemen yang dipilih dalam kajian ini adalah berdasarkan unsur budaya yang bukan sebahagian daripada norma amalan dalam budaya masyarakat Melayu.

4.1 Makanan

Antara unsur budaya kebendaan berkaitan makanan yang disebut dalam al-Quran ialah *الْمَنَّ* *al-mann* dan *عِجْلٍ حَنِيدٍ* *'ijl haniz*. Berikut adalah dua sampel yang dimaksudkan:

4.1.1 Sampel *al-Mann*

a) Terjemahan *al-Mann*

Al-Quran	TPAR	AK
<i>Al-Mann</i>	<i>Mann</i>	<i>Mann</i>
	Nota kaki: Sejenis makanan yang manis pekat macam madu yang turun seperti embun dari langit, dan jatuh ke atas batu dan daun-daun kayu	Nota kaki: Makanan manis seperti madu

Jadual 1 Analisis Terjemahan *al-Mann*

Jadual 1 menunjukkan terjemahan *al-mann* yang diberikan oleh penterjemah iaitu, *mann*. Penterjemah TPAR dan AK membekalkan perluasan makna sebagai huraian kepada makna *mann*. Dalam Bahasa Arab, *mann* bermaksud sejenis getah melekit yang keluar daripada pokok dan rasanya manis, atau embun yang turun daripada langit jatuh di atas pokok, melekat dan mengering, serta manis dan boleh dimakan (<https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/>). Perkataan ini disebut sebanyak tiga kali di dalam al-Quran dengan diterjemahkan kepada makna yang sama seperti dinyatakan dalam jadual, iaitu dalam surah al-Baqarah ayat 57, al-A'raf ayat 160 dan Taha ayat 80. Kedua-dua penterjemah menggunakan prosedur peminjaman (*borrowing*) dengan mengekalkan perkataan bahasa Arab dalam terjemahan Melayu. Namun begitu, penterjemah membuat huraian makna dengan meletakkan nota kaki sebagai penjelasan kepada makna unsur justeru mereka mengekalkan perkataan tersebut dalam Bahasa Melayu.

b) Analisis komponen makna *al-mann*

Jadual berikutnya adalah analisis bagi komponen makna yang terkandung dalam elemen *al-mann* yang dikenal pasti daripada kitab tafsir:

<i>Al-mann</i>	Titisan embun	Turun dari langit	Jatuh atas pokok	Mengering	Melekit	Manis-manis masam	Kekuning-kuningan
----------------	---------------	-------------------	------------------	-----------	---------	-------------------	-------------------

TPAR: <i>Mann</i>	√	√	√	×	×	√	×
AK: <i>Mann</i>	×	×	×	×	×	√	×

Jadual 2 Analisis Komponen Makna *al-Mann*

Jadual 2 memperincikan deskripsi komponen makna yang terkandung dalam elemen *al-mann*. Dengan menggunakan analisis komponen makna, kajian mengetengahkan deskripsi khusus yang menggambarkan makna perkataan ini seperti yang dimaksudkan dalam bahasa Arab selepas diverifikasinya dengan kitab tafsir. Deskripsi yang mencirikan elemen *al-mann* ialah sejenis bahan melekit turun di atas pokok yang tumbuh di kawasan pedalaman (*badwi*) yang menyerupai gandum yang melekit, rasanya manis-manis masam, serta berwarna kekuning-kuningan (Ibn 'Asyur, 1984: 509). Dalam analisis ini, kajian mengestrak ciri-ciri yang dimaksudkan dan membandingkan ciri-ciri tersebut dengan terjemahannya dalam Bahasa Melayu. Kajian mendapati ciri-ciri yang dimaksudkan dalam tafsir tidak dinyatakan dalam terjemahan secara langsung huraian makna yang dibekalkan dalam nota kaki tidak mencakupi ciri-ciri yang dimaksudkan secara menyeluruh.

Oleh itu, kajian melihat terdapat jurang perbezaan makna bagi perkataan yang dimaksudkan dalam teks Arab dan terjemahannya. Makna yang dibekalkan oleh penterjemah tidak sepadan secara menyeluruh, justeru elemen unsur budaya makanan ini tidak digambarkan dengan butiran yang lengkap dalam bahasa Melayu. Hal ini mengimplikasikan pengurangan nilai dalam deskripsi ciri-ciri elemen unsur budaya yang hendak disampaikan ke dalam bahasa Melayu.

Melalui analisis ini, kajian mendapati padanan makna dalam bahasa Melayu terhasil daripada kaedah peminjaman yang diaplikasi oleh penterjemah. Hal ini mengimplikasikan terjemahan berkurangan (*undertranslation*) dalam membekalkan deskripsi bagi makna *al-mann* dalam budaya Melayu. Oleh itu, dalam konteks perkataan *al-mann*, prosedur peminjaman hanya akan menghilangkan makna asal namun ia diganti dengan huraian pada nota kakai.

4.1.2 Sampel '*ijl haniz*

a) Terjemahan '*ijl Haniz*

Al-Quran	TPAR	AK
' <i>ijl Haniz</i>	Seekor anak lembu yang dipanggang	Daging anak lembu yang dipanggang

Jadual 3 Terjemahan '*ijl Haniz*

Jadual 3 menunjukkan terjemahan '*ijl haniz* dalam bahasa Melayu. Penterjemah TPAR dan AK menterjemah '*ijl haniz* kepada seekor anak lembu atau daging anak lembu yang dipanggang. Dalam Bahasa Arab, perkataan ini bermaksud anak lembu yang dipanggang dalam api atau dalam batu yang dipanaskan oleh api (<https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/>). Perkataan ini disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah Hud ayat 69. Perkataan ini diterjemahkan kepada padanan makna yang sama iaitu seekor anak lembu atau daging anak lembu yang dipanggang.

b) Analisis komponen makna '*ijl Haniz*

Jadual berikutnya adalah analisis bagi komponen makna yang terkandung dalam elemen '*ijl haniz* yang dikenal pasti daripada kitab tafsir:

' <i>ijl Haniz</i>	Anak lembu	Dipanggang	Hidangan yang cepat dimasak	Hidangan untuk tetamu
TPAR: Seekor anak lembu yang dipanggang	√	√	×	×

AK: Daging anak lembu yang dipanggang	√	√	x	x
---------------------------------------	---	---	---	---

Jadual 4 Analisi Komponen Makna 'Ijl Haniz

Jadual 4 memperincikan deskripsi deskripsi komponen makna yang terkandung dalam elemen 'ijl haniz. Dengan menggunakan analisis komponen makna, kajian mengetengahkan deskripsi khusus yang menggambarkan makna perkataan ini seperti yang dimaksudkan dalam bahasa Arab. Selepas diverifikasikannya dengan tafsir, deskripsi yang digambarkan adalah anak lembu yang dipanggang, dan panggang adalah cara masakan yang paling cepat, penyediaan makanan yang segera, dan ia adalah hidangan untuk tetamu. Ibn 'Asyur, 1984: 117). Menjadi kelaziman dalam budaya Arab memuliakan dan meraikan tetamu dengan menghidangkan makanan yang paling istimewa. 'Ijl haniz merupakan hidangan istimewa untuk tetamu sebagaimana dinyatakan dalam ayat al-Quran, apabila Nabi Ibrahim AS menghidangkan daging anak lembu yang dipanggang kepada tetamu istimewanya iaitu, malaikat yang membawa khabar gembira tentang isterinya yang bakal memperoleh anak (Tafsir Muyassar, 1979: 229).

Melalui analisis ini, kajian mengenal pasti ciri-ciri yang dimaksudkan dalam al-Quran. Namun, terjemahannya hanya merangkumi sebahagian daripada ciri-ciri yang dimaksudkan dengan meninggalkan deskripsi penting seperti hidangan cepat dimasak dan dihidangkan kepada tetamu. Terdapat pengguguran maklumat dalam terjemahan Melayu bagi elemen ini. Justeru itu, ia mengimplikasikan terjemahan berkurangan yang tidak memberikan padanan komprehensif yang menyeluruh.

4.2 Tumbuhan

Antara unsur budaya kebendaan berkaitan tumbuhan yang disebut dalam al-Quran ialah زَنْجَبِيل *zanjabil* dan كَأْفُور *kafur*. Berikut adalah dua sampel yang dimaksudkan:

4.2.1 Sampel Zanjabil

a) Terjemahan Zanjabil

Al-Quran	TPAR	AK
زَنْجَبِيلًا	<i>zanjabil</i>	<i>zanjabil</i>

Jadual 5 Terjemahan Zanjabil dalam Bahasa Melayu

Jadual 5 menunjukkan terjemahan *zanjabil* dalam Bahasa Melayu. Penterjemah TPAR dan Ak mengekalkan lafaz *zanjabil* dalam terjemahan Melayu. Dalam Bahasa Arab, perkataan ini mempunyai dua maksud iaitu pertama; halia, dan kedua; arak (<https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/>). Perkataan ini disebut sekali sahaja di dalam al-Quran iaitu dalam surah al-Insan ayat 17. Kedua-dua penterjemah menggunakan prosedur peminjaman (*borrowing*) dengan mengekalkan perkataan *zanjabil* dalam bahasa Melayu dan tidak memberikan huraian makna bagi menerangkan maksud elemen ini dalam konteks budaya Melayu. Oleh itu, perkataan ini dianggap asing dalam budaya bahasa Melayu kerana perkataan *zanjabil* diforenisasikan, maka tiada padanan Melayu diberikan dalam terjemahan ini.

b) Analisis komponen makna *zanjabil*

Jadual berikutnya adalah analisis bagi komponen makna yang terkandung dalam elemen *zanjabil* yang dikenal pasti daripada kitab tafsir:

<i>Zanjabil</i>	<i>Tumbuhan herba berakar</i>	<i>Keputih-putihan</i>	<i>Berbunga</i>	<i>Beraroma</i>	<i>Rasanya pedas</i>	<i>bahan ubatan dan masakan</i>
TPAR: <i>zanjabil</i>	x	x	x	x	x	x
AK: <i>zanjabil</i>	x	x	x	x	x	x

Jadual 6 Analisis Komponen Makna *Zanjabil*

Jadual 6 memperincikan deskripsi komponen makna yang terkandung dalam elemen *zanjabil*. Dengan menggunakan analisis komponen makna, kajian mengetengahkan deskripsi khusus yang menggambarkan ciri-ciri elemen ini seperti yang dimaksudkan dalam bahasa Arab selepas diverifikasinya dengan tafsir. Dalam konteks ini, perkataan *zanjabil* berasal daripada bahasa Parsi dan digambarkan sebagai tumbuhan herba yang berakar, berwarna keputih-putihan, beraroma, rasanya pedas dan boleh dijadikan sumber ubat dan makanan (Ibn 'Asyur, 1984: 395). Melalui analisis ini, kajian mengenal pasti semua ciri yang digambarkan dalam tafsir tidak diberikan sebarang deskripsi dalam terjemahan Melayu. Sebaliknya, elemen ini diforeignisasikan dengan dikekalkan lafaz *zanjabil*.

Oleh itu, kajian mendapati makna perkataan yang dimaksudkan dalam teks Arab tidak dipindahkan secara menyeluruh dan berlaku kehilangan makna asal. Kedua-dua penterjemah mengekalkan perkataan *zanjabil* dan tidak menggantikan makna yang hilang tersebut dengan cara lain. Maka, dengan ketiadaan padanan komprehensif dalam terjemahan Melayu akan mengabaikan nilai unsur budaya yang mencirikan elemen *zanjabil*.

4.2.2 Sampel *Kafur*

a) Terjemahan *Kafur*

Al-Quran	TPAR	AK
كافورًا	<i>kafur</i>	<i>Kafur</i>
		<i>Nota kaki:</i> Kafur ialah nama suatu mata air di dalam syurga yang airnya putih dan baunya sedap serta enak sekali rasanya

Jadual 7 Terjemahan *Kafur*

Jadual 7 menunjukkan terjemahan *kafur* dalam Bahasa Melayu. Penterjemah TPAR mengekalkan lafaz *kafur* dalam terjemahannya. Penterjemah AK juga mengekalkan lafaz ini dan menjelaskan maksudnya dalam nota kaki bahawa *kafur* ialah nama suatu mata air di dalam syurga yang airnya putih dan baunya sedap serta enak sekali rasanya. Dalam Bahasa Arab, perkataan ini merujuk kepada pokok hijau yang tumbuh di daratan, mengeluarkan bahan yang berwarna putih jernih, beraroma tajam dan rasanya pahit (<https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/>). Perkataan *kafur* disebut sekali dalam al-Quran iaitu dalam surah al-Insan ayat 5. Kedua-dua penterjemah menggunakan prosedur peminjaman (*borrowing*) dengan mengekalkan lafaz *kafur* dalam terjemahan Melayu. Terdapat penghuraian makna yang dilakukan oleh AK dalam terjemahannya dengan meletakkan nota kaki sebagai penjelasan kepada makna elemen.

b) Analisis komponen makna *Kafur*

Jadual berikutnya adalah analisis bagi komponen makna yang terkandung dalam elemen *kafur* yang dikenal pasti daripada kitab tafsir:

كافور	sejenis minyak	putih	aroma segar	bernilai & berkualiti	memekat	membeku	Memabukkan (jika diperam)
-------	----------------	-------	-------------	-----------------------	---------	---------	---------------------------

TPAR: <i>Kafur</i>	x	x	x	x	x	x	x
AK: <i>Kafur</i>	x	x	x	x	x	x	x

Jadual 8 Analisis Komponen Makna *Kafur*

Jadual 8 memperincikan deskripsi komponen makna yang terkandung dalam elemen *kafur*. Dengan menggunakan analisis komponen makna, kajian mengetengahkan deskripsi khusus yang menggambarkan ciri-ciri elemen ini seperti yang dimaksudkan dalam bahasa Arab selepas diverifikasinya dengan tafsir. Berdasarkan tafsir Ibn 'Asyur (1984: 380), *kafur* adalah sejenis minyak yang keluar daripada pokok dan menyerupai pokok Oleander (*diflay*). Ia berwarna putih dan beraroma segar. Minyak yang keluar daripada pokok ini dipanggil *kafur* yang boleh memekat dan adakalanya membeku seperti keju. Semakin berusia pokok ini semakin tinggi nilai dan kualiti kayunya. Apabila kayu pokok ini direndam dalam air, maka ia menjadi seperti tuak yang diperam dan boleh memabukkan.

Melalui analisis ini, kajian mendapati tiada padanan yang diberikan bagi elemen ini oleh penterjemah. Penterjemah memforeignisasikan lafaz elemen ini dengan mengekalkan perkataan *kafur* melalui kaedah peminjaman. Hal ini mengimplicasikan terjemahan yang kehilangan makna yang tidak dapat difahami dalam Bahasa Melayu. Oleh itu, mengekalkan lafaz *kafur* dalam terjemahan Melayu menyebabkan berlakunya pengguguran makna unsur budaya yang hendak disampaikan ke dalam bahasa Melayu.

4.3 Pakaian

Antara unsur budaya kebendaan berkaitan pakaian yang disebut dalam al-Quran ialah *جالابيب jalabib*. Berikut adalah sampel yang dimaksudkan:

4.3.1 Sampel *Jalabib*

a) Terjemahan *Jalabib*

Al-Quran	TPAR	AK
<i>Jalabib</i>	<i>pakaiannya</i>	<i>Jilbabnya</i>

Nota kaki: Jilbab ialah sejenis **baju kurung** yang longgar yang menutupi seluruh aurat wanita

Jadual 9 Analisis Terjemahan *Jalabib*

Jadual 9 menunjukkan terjemahan *jalabib* dalam Bahasa Melayu oleh penterjemah TPAR dan AK. Dalam terjemahan TPAR, *jalabib* diberi padanan makna *pakaiannya*. Manakala, penterjemah AK menterjemah *jalabib* kepada *jilbabnya* dan menghuraikannya dalam nota kaki bahawa *jilbab* adalah sejenis baju kurung yang longgar yang menutupi seluruh aurat wanita. Dalam Bahasa Arab, *jalabib* adalah kata jamak bagi *jilbab*. Ia bermaksud pakaian yang menutupi seluruh badan, atau penutup badan, atau lapisan luar pakaian seperti sesuatu yang menyelimuti badan, atau pakaian yang menyelimuti badan wanita, atau tudung yang menutupi kepala (<https://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/>).

b) Analisis komponen makna *jalabib*

Jadual berikutnya adalah analisis bagi komponen makna yang terkandung dalam elemen *jalabib* yang dikenal pasti daripada kitab tafsir:

<i>Jalabib</i>	menutupi kepala	menutupi pipi	Kiri & kanannya dilabuhkan sehingga ke bahu	dipakai ketika keluar rumah
----------------	-----------------	---------------	---	-----------------------------------

TPAR: <i>pakaiannya</i>	x	x	x	x
AK: <i>jilbabnya</i>	x	x	x	x

Jadual 10 Analisis Komponen Makna *Jalabib*

Jadual 8 memperincikan deskripsi komponen makna yang terkandung dalam elemen *jalabib*. Dengan menggunakan analisis komponen makna, kajian mengetengahkan deskripsi khusus yang menggambarkan ciri-ciri elemen ini seperti yang dimaksudkan dalam bahasa Arab selepas diverifikasikannya dengan tafsir. Perkataan *jilbab* (جَلَابِيب) disebut hanya sekali dalam surah al-Ahzab ayat 59. Menurut tafsir Ibn Asyur (1984: 106-107), kain yang saiznya lebih kecil daripada *rida'* (iaitu lapisan kedua pakaian yang biasanya dipakai menyelimuti pakaian yang menutupi seluruh badan seperti *cardigan*), lebih besar daripada tudung dan topeng, diletakkan di atas kepala perempuan, menutupi kepala, pipi sehingga ke bahu dan belakang badannya, yang dipakai apabila keluar dari rumah dan membuat sebarang perjalanan. Beliau juga menambah bahawa bentuk *jalabib* berbeza mengikut adat dan kebiasaan pemakaian wanita dan yang pentinh adalah pakaian tersebut adalah sesuatu yang diamalkan dalam urf tempat dan tidak mendatangkan bahaya, cedera atau kesulitan.

Melalui analisis ini, kajian mendapati padanan yang diberikan tidak mencapai maksud sepertimana yang dijelaskan dalam tafsir yang dirujuk. Menurut Ibn 'Asyur, *jalabib* adalah pakaian seperti tudung yang dipakai di atas kepala. Manakala penterjemah memberikan padanan *jilbab* dan *pakaian* untuk menggambarkan makna *jalabib*. Dalam konteks budaya Melayu, *jilbab* ialah pakaian longgar termasuk kerudung (tudung) yang menutup aurat wanita selain muka dan tapak tangan (Dewan Bahasa, 2007:632). Manakala, *pakaian* didefinisikan sebagai sesuatu yang dipakai seperti baju, seluar dan kasut, atau sesuatu yang biasa digunakan, atau amalan atau kebiasaan (Dewan Bahasa, 2007:1116). Merujuk kepada maksud yang diberikan ini, terjemahan perkataan asal dengan peminjaman: *jilbab* dan *pakaian* hanya akan menghilangkan makna yang dimaksudkan dalam al-Quran.

5. Kesimpulan

Berdasarkan kajian ini, pengkaji mendapati Quran terjemahan Melayu mengekalkan lafaz Arab dengan mengaplikasi pendekatan peminjaman (*borrowing*) yang akan membawa kepada pengguguran makna dan tidak akan membawa kefahaman kepada pembaca sasar. Namun, jika penterjemah membekalkan nota kaki bagi menerangkan maksud lafaz Arab tersebut yang terdiri daripada elemen unsur budaya kebendaan yang tidak terdapat atau tidak menjadi amalan dalam budaya masyarakat Melayu maka ini akan dapat memberikan kesepadanan makna yang dikehendaki.

Menerusi kajian ini juga, pengkaji menggariskan perbezaan antara unsur budaya yang bersifat konkrit dan abstrak. Unsur budaya konkrit meliputi objek budaya yang boleh disentuh seperti unsur kebendaan dalam kajian ini. Manakala, unsur budaya abstrak adalah unsur bukan kebendaan yang merangkumi perkara konseptual seperti agama, kepercayaan, ritual, undang-undang dan seumpamanya. Keperihalan konkrit dan abstrak ini dapat memperincikan deskripsi khusus setiap unsur budaya.

Selain itu, kajian juga mendapati elemen budaya yang menggambarkan unsur kebendaan untuk memberikan gambaran nikmat di dalam syurga seperti *zanjabil* dan *kafur*, perlu diterjemahkan dengan berhati-hati. Sekiranya konsep ini diterjemahkan secara mudah ia akan memberikan gambaran bahawa air minuman yang lazat di syurga adalah air halia dan air 'berangin' campuran camphor. Ini akan hanya memberikan gambaran bahawa perlambangan Al-Quran adalah remeh dan melucukan.

Kajian juga mendapati pendekatan analisis komponen makna yang dirintiskan dalam bidang lingusitik memberi manfaat besar kepada kajian ini. Hal ini kerana analisis dalam terjemahan berbeza dengan analisis dalam linguistic. Perbezaan tersebut adalah perbandingan komponen makna dalam analisis lingusitik dilakukan terhadap perkataan dalam satu bahasa. Manakala, perbandingan komponen makna dalam analisis terjemahan dilakukan antara perkataan daripada dua atau lebih Bahasa berbeza. Boleh dilihat pendekatan analisis ini dalam kajian lingusitik Nida (1975) dan kajian terjemahan Newmark (1988). Dengan mengaplikasi analisis ini, kajian mampu mengestrak ciri-ciri khusus makna perkataan dan sekaligus mengenal pasti sejauh mana ketepatan padanan yang diberikan dalam menggambarkan makna perkataan.

Kajian ini juga telah mengaplikasi pendekatan analisis komponen makna bagi mencerakinkan dan memperhalusi lagi deskripsi makna unsur budaya. Hal ini penting sebelum pemilihan padanan makna yang tepat dibuat dan dipindahkan ke dalam bahasa sasaran. Kajian ini telah membuktikan sejauh mana perincian makna dapat diekstrak bagi menggambarkan makna unsur budaya yang diterjemah dengan lebih jelas dan tepat.

Rujukan

Al-Quran al-Karim

Abdul-Raof, H. (2005). PragmaLinguistic Forms In Cross-Cutural Communication : Contributions From Quran Translation. *Intercultural Communication Studies XIV*, 115–130.

Aixelá, J. F. (1996). Culture-specific Items in Translation. Translation, Power, Subversion. Philadelphia: Multilingual Matters Ltd.

Al-Kalam Terjemahan Al-Hidayah Al-Quran Al-Karim. (2012). Selangor: al-Hidayah House of Quran Sendirian Berhad. Cetakan ketiga.

Al-Maany. <https://www.almaany.com>

Cho Minsung & Puteri Roslina Abdul Wahid. (2016). Penterjemahan Budaya Bukan Kebendaan Dalam Teks Terjemahan Bahasa Korea-Bahasa Melayu. *Jurnal Melayu*. Bil. 15(2). 160-175. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Goh Sang Seong. (2011). Penterjemahan Kata Kerja Bahasa Cina-Bahasa Melayu: Satu Analisis Ketepatan Makna Padanan. *Journal of Language Studies*. Volume 11(1). 35-56.

Husni Mubarak. (2008). Analisis Komponen Makna Kata al-Kalam dan al-Qaul dalam al-Quran al-Karim. Tesis Sarjana. Depok: Universitas Indonesia.

Ibn Asyur, Muhammad At-Tahir. (1984). Tafsir At-Tahrir wa At-Tanwir. Tunisia: Ad-Dar At-tunisiyyah Lin-Nashr.

Kamus Dewan Edisi Keempat.2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mason, I. (1998). Discourse Connectives, Ellipsis and Markedness. In Leo Hickey (ed.) *The Pragmatics of Translation*. Clevedon: Multilingual Matters.

Newmark, P. (1988). *A Textbook of Translation*. United Kingdom: Prentice Hall International.

Nida, E. A. (1964). *Toward a Science of Translating*. Leiden: E.J. Brill.

Nida, E. A. (1975). *Componential Analysis of Meaning: An Introduction to Semantic Structures*. Great Britain: Cambridge University Press.

Saudi Sadiq. (2008). Some Semantic, Stylistic and Cultural Problems of Translation with Special Reference to Translating the Glorious Qur'an. *Sayyab Translation Journal*. Volume (1), p. 37-59.

Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran. (1988). Kuala Lumpur: Bahagian Hal-Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri. Cetakan keenam.

Tylor, E. B. (1871) *Primitive Culture: Researches into the Development of Mythology, Philosophy, Religion, Language, Art and Custom*. London: John Murray.

Theodorson & Theodorson. (1979). *A Modern Dictionary of Sociology*. New York-London: Barnes & Noble Books.

Vinay, J-P & Darbelnet, J. (1995). *Comparative Stylistics of French and English: A Methodology for Translation*. Amsterdam/Philadelphia: John Benjamins.